

21 NOV 1998

Singapura-Gore/I

RAKYAT SINGAPURA HENTAM PENYOKONG GORE

SINGAPURA, 21 Nov (Bernama) -- Beberapa orang pembaca akhbar Straits Times di sini hari ini membidas seorang penulis rakyat Amerika yang menyatakan sokongan terhadap kenyataan Naib Presiden AS Al Gore mengenai Malaysia dan pada masa yang sama mengutuk Singapura.

Mereka mengutuk Elaine Supkis dari New York yang berkata beliau tidak hairan mengapa Singapura tidak setuju Gore membuat kenyataan itu kerana "Singapura tidak mempunyai kebebasan sivil seperti juga Malaysia".

Dalam suratnya yang dimuatkan dalam Straits Times dua hari lepas, Supkis berkata ketenteraman di jalan-jalan bukanlah sesuatu yang penting sangat dan mendakwa bahawa Singapura juga seperti Malaysia, "tidak sabar untuk melenyek mana-mana penentangan politik dan boleh menjadi sejahat Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jika dicabar".

Gore telah menerima kritikan hebat dari dalam dan luar Malaysia kerana menyuarakan secara terbuka sokongan terhadap gerakan "reformasi" oleh para penyokong bekas timbalan perdana menteri Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengadakan perhimpunan haram di jalan-jalan.

Dalam menyatakan kesediaannya bila-bila masa sahaja untuk menyokong ketenteraman di jalan-jalan, pembaca Chua Sheng Yang berkata sikap Gore yang tidak tahu menghormati orang lain adalah biasa bagi Amerika terhadap kebanyakan negara-negara Asia.

"Sudah beberapa kali, Amerika telah membuat kritikan terhadap cara kita orang Asia memilih untuk menstrukturkan politik kita hanya disebabkan kita melencong daripada apa yang mereka anggap sebagai sistem Amerika yang 'superior'.

"Dan saya pasti kita rakyat Singapura "akan bertindak jahat" sebagaimana yang dikatakan oleh Cik Supkis, apabila kedaulatan dan kewibawaan kita dipersoalkan dan "dicabar" oleh mereka yang tidak faham perbezaan antara kebudayaan-kebudayaan kita dan sebaliknya memilih untuk membuat kenyataan kosong berasaskan kepada pandangan cetek dan prejudis, sekiranya bukan pandangan taksu," kata Chua.

"Sekiranya taraf hidup yang tinggi, kerajaan yang stabil dan satu masyarakat berbagai kaum yang mana tidak wujud konflik etnik adalah harga yang perlu dibayar kerana kita tidak mengikut "demokrasi tulen dengan kebebasan bersuara", biarlah," kata Chua.

Chua berkata kebebasan bersuara adalah satu keistimewaan dan bukan untuk disalahgunakan, mengambil contoh skandal Monica Lewinsky yang dijadikan sarkas oleh media bebas di AS bukan sangat hendak memberikan maklumat kepada orang awam tetapi untuk menjadikannya skandal dan menaikkan penarafan.

Seorang lagi pembaca, Annette Kho Guan Hoon, berkata persepsi Supkis mengenai kebebasan sivil sudah tentu menggunakan kayu ukur Amerika dan adalah cetek pandangan untuk membuat kesimpulan bahawa setiap orang di luar AS mahukan demokrasi seperti itu.

"Sekiranya penduduk amnya senang dengan kerajaan, yang dipilih oleh mereka tanpa dipaksa, siapakah yang berhak menyatakan bahawa hak sivil yang tulen tidak wujud?" tanyanya.

Pembaca Chan Hon Chew mengemukakan soalan: "Di atas pelawaan Encik Bill Clinton, Dr Mahathir Mohamad memasuki Rumah Putih dan memberi ceramah mengenai moral seks, dan menyatakan bahawa semua rakyat Amerika yang mahu Clinton berhenti dari jawatannya adalah wira-wira belaka. Adakah rakyat Amerika tidak akan marah?"

Chan berkata bahawa untuk menyatakan bahawa Singapura dan Malaysia tidak mempunyai kebebasan sivil adalah tanggapan yang salah dan terpulanglah kepada sesebuah negara yang berdaulat untuk menentukan sejauh mana yang boleh diterima tanpa memngkompromi peraturan dan undang-undang.

Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Gore, yang membuat kenyataannya itu pada majlis makan malam Persidangan Perniagaan Apec di Kuala Lumpur, menyokong kegagasan dan cuba menghasut penyokong Anwar supaya merusuh.

-- BERNAMA

TCL WAT